

KL bandar raya dalam taman misi DBKL

Ibu kota yang penghuninya lebih ramai berjalan kaki, berbasikal serta mengutamakan pengangkutan awam adalah sebahagian ciri-ciri gambaran Kuala Lumpur pada 2040. Di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang dijangka diwartakan akhir tahun ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meletakkan matlamat baharu untuk merubah Kuala Lumpur sebagai bandar raya dalam taman dengan lebih banyak kehijauan yang akan menjadikannya rendah karbon dan tidak berdepan peningkatan suhu melampau, walaupun penduduknya dijangka bertambah kepada 2.8 juta daripada 1.8 juta ketika ini. **Muka 2/3**



MukaDua

Bandar raya dalam taman misi DBKL



Pelbagai inisiatif dilaksana jadikan ibu kota hijau, moden, futuristik

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ibu kota yang penghuninya lebih ramai berjalan kaki, berbasikal serta mengutamakan pengangkutan awam adalah sebahagian ciri-ciri gambaran Kuala Lumpur pada 2040 dengan visi Bandaraya Untuk Semua.

Inisiatif yang dilaksanakan sebelum ini, berhasil menjadikan Kuala Lumpur sebagai kota hijau dan kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meletakkan matlamat baharu, menjadikan ibu kota sebagai bandar raya dalam taman (KL City in the Garden).

Menerusi pertambahan lebih banyak kehijauan dalam bandar raya, langkah itu dijangka membolehkan ibu kota ini bersifat rendah karbon dan tidak berdepan peningkatan suhu melampau, wa-



Bangunan di Medan Pasar sebelum dan selepas dibaik pulih menjadi lebih menarik.



BH, di pejabatnya.

Mahadi berkata, apabila diwartakan kelak, satu lagi Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 disiapkan untuk menterjemahkan apa yang dibincang dan melaksanakan setiap kerja yang dirancang itu.

“Untuk merealisasikan impian Kuala Lumpur sebagai bandar raya bagi semua dan kota hijau, kita juga perlu bertanya pendapat penduduk setempat.

“Daripada pandangan mereka nanti, kita akan tubuhkan satu Jawatankuasa Mendengar Pandangan Awam.

“Ini untuk memastikan semua orang tidak tertinggal daripada semua kemudahan yang akan dirancang di bandar raya ini,” katanya.

Tegasnya, DBKL sentiasa komited dan bekerja keras terus mencapai agenda sebagai kota hijau.

Katanya, DBKL kini sedang menjalankan kerja menaik taraf landskap di kawasan jalan utama dan taman awam, sekali gus membantu mengurangkan karbon.

“Dari segi pelepasan karbon di Kuala Lumpur, baik dari bangunan atau daripada kesesakan lalu lintas, DBKL mempunyai matlamat


untuk mengurangkan 70 peratus pelepasan karbon sedia ada menjelang 2030.

“DBKL juga bekerjasama dengan Kerajaan Tokyo Metropolitan (TMG), di mana DBKL merangka pelan *Tokyo To Kuala Lumpur Low Carbon System* (T2KLCS) yang ditaja Kementerian Alam Sekitar Jepun (MOEJ) bagi mengurangkan penggunaan tenaga dan pengeluaran gas rumah hijau (GHG) daripada bangunan dalam kawasan Kuala Lumpur termasuk bangunan milik DBKL,” katanya.

DBKL turut menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti teknologi solar photovoltaic (PV) dan semua lampu jalan digantikan dengan lampu LED bagi mengurangkan pelepasan karbon dengan ketara.

Kaedah lain yang sedang sedang diusahakan oleh DBKL ialah meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, membina laluan pejalan kaki dan lorong basikal ke stesen.

Bagi menambah keyakinan dengan usaha DBKL ini, kamera keselamatan dan sistem pengawasan akan ditempatkan di kawasan dinyatakan.



Kawasan parkir kenderaan di Taman Jejak Rimba, Kuala Lumpur yang tebih menarik sebelum dan selepas pengindahan dilaksanakan.



Bangunan di Jalan Alor sebelum dan selepas pengindahan.

Projek River of Live di Masjid Jamek antara misi menjadikan Kuala Lumpur lebih bersih dan selesa didiami semua lapisan masyarakat.

Nasional

Kesesakan, banjir kilat, urus tadbir jadi fokus utama

Kuala Lumpur: Kesesakan lalu lintas yang menjadi lumrah harian dan banjir kilat yang sering mengandaikan penghuni ibu kota ini setiap kali hujan lebat di antara tiga tumpuan utama pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini.

Datuk Bandar, Datuk Mahadi Che Ngah, mengakui isu berkenaan tidak berkesudahan apabila pembangunan dikecapi tidak seiring situasi dihadapi warga kota, hingga mengundang keluhan orang ramai.

Memahami situasi dihadapi warga kota ini, beliau berkata, tiga tumpuan utamanya kini adalah memastikan kelancaran lalu lintas di kawasan tumpuan, mengatasi banjir kilat serta memastikan urus tadbir yang baik.

“Tiga perkara ini menjadi tumpuan utama saya untuk pastikan dapat memenuhi kehendak semua orang.

“Perkara utama apabila berada di Kuala Lumpur ialah kesesakan lalu lintasnya kerana kira-kira 2.8 juta kenderaan yang masuk ke pusat bandar setiap hari.

“Situasi ini memang tidak dapat dielakkan. Jadi apa DBKL lakukan ialah memastikan sebarang kawasan pembinaan di jalan raya tidak mengganggu lalu lintas dengan penghadang diletakkan secara berhema serta sistematik supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pengguna,” katanya.

Mahadi berkata, berikutan itu kemudahan seperti Skrin Paparan Maklumat (VMS) juga diletakkan bagi memastikan semua maklumat

diperoleh daripada Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) dipaparkan secara tepat dengan keadaan lalu lintas semasa.

“DBKL juga menambah baik laluan pejalan kaki untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki atau berbasikal dengan sasaran 100 kilometer laluan basikal dan pejalan kaki menjelang tahun 2030 diwujudkan. Sehingga kini 30 peratus daripadanya sudah disiapkan,” katanya.

Beliau menjelaskan, banjir kilat yang berlaku juga disebabkan tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab.

“Bayangkan dalam longkang saluran bawah tanah, pasukan khas boleh menemui rangka motosikal dan sofa yang tersekat sehingga menghalang laluan air yang banyak daripada mengalir ke sungai.

“Pembangunan yang pesat dan kesan pemanasan global juga menyumbang kepada keadaan cuaca yang melampau.

“Justeru, DBKL menubuhkan pasukan khas banjir diketuai Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek (PEPP) untuk memastikan usaha penebatan banjir dilaksanakan mengikut Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur 2017.

“Ia membabitkan kerja merancang, melaksanakan dan menyelenggara sistem saliran utama bagi tebatan banjir dan mengatasi masalah banjir kilat, membina dan menaik taraf kapasiti sungai kecil, membina kolam takungan banjir dan rumah pam, menguruskan sistem amaran banjir termasuk papan

tanda elektronik dan sistem siren,” katanya.

Pasukan khas ini juga dianggotai Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (JKME), Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS), Jabatan Penguatkuasaan (JPK) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Dalam pada itu, katanya, DBKL turut mensyaratkan setiap pemaju perumahan dan pembangunan baharu, wajib menyediakan kolam takungan banjir (OSD) di setiap kawasan terabit, yang terbukti berjaya seperti dilaksanakan di kawasan Bangsar South.

“Selain itu, DBKL merancang membangunkan sistem amaran banjir yang berintegrasi bersama ITIS bagi mewujudkan Sistem Amaran Awal Banjir: Untuk jangka panjang, usaha diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama DBKL dan JPS membina tebatan banjir dengan peruntukan RM150 juta,” katanya.

Beliau berkata, dalam memastikan tadbir urusnya berjalan dengan baik, pelbagai agenda turut dilakukan Jabatan Sumber Manusia DBKL supaya kakitangannya dapat melaksanakan tugas dengan cekap.

“Saya sentiasa mengingatkan kepada warga DBKL bahawa kita bertugas dan digajikan oleh warga kota.

“Mereka bergantung kepada DBKL untuk memastikan Kuala Lumpur yang kita sayangi ini kekal indah, lancar dan selesa untuk semua,” katanya.